

19 FEBRUARI 2018

Cuba seludup dadah ke Indonesia

KOSMO! ISNIN 19 FEBRUARI 2018

NEGARA! 17

PGA berkas lima lelaki warga Indonesia bersama syabu bernilai RM1.4 juta

Cuba seludup dadah ke Indonesia

Oleh TAUFIK SALIMIN

SEMATAN — Cubaan lima lelaki warga Indonesia untuk menyeludup keluar dadah ke negara asal mereka gagal apabila kesemua suspek ditahan bersama lima kilogram dadah jenis syabu bernilai kira-kira RM1.4 juta di Kampung Telok Melano di sini baru-baru ini.

Kesemua suspek ditangkap pukul 4.30 petang pada Khamis minggu lalu ketika mereka sedang dalam perjalanan dari arah Kampung Telok Melano menuju ke sempadan Malaysia-Indonesia. Pegawai Pemerintah



SEJUMLAH dadah jenis syabu yang dirampas pasukan PGA daripada lima suspek warga Indonesia di Kampung Telok Melano, Sematan pada Khamis minggu lalu.

Batalion ke-11, Pasukan Gerakan Am (PGA) Batu Kawa, Kuching, Superintendent Muhammad Sar'ie Fauzi berkata, kesemua

suspek berusia antara 26 hingga 56 tahun yang menunggang tiga buah motosikal itu ditahan pasukannya selepas dili-



LIMA lelaki warga Indonesia diberkas kerana cuba menyeludup keluar dadah ke negara asal mereka baru-baru ini.

hat berada dalam keadaan mencurigakan.

"Hasil pemeriksaan menemui lima bungkusan

dibaluti kertas aluminium yang berisi serbuk kristal disyaki syabu di dalam beg sandang milik ke-

semua suspek.

"Kelima-lima suspek dipercayai cuba membawa masuk dadah dari Malaysia ke negara asal mereka," katanya ketika dihubungi semalam.

Muhammad Sar'ie memberitahu, kesemua dadah yang dirampas itu dianggarkan bernilai RM1.4 juta dengan harga bagi sekilogram syabu bernilai RM280,000.

Katanya, ketiga-tiga motosikal yang digunakan suspek turut dirampas. Kesemua suspek yang dipercayai anggota sindiket dadah kini ditahan mengikut Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1952.